



LEE BAO EN JUARA AIRASIA RUNWAY READY DESIGNER SEARCH

SEWAKTU Minggu Fesyen Kuala Lumpur RTV 2015 yang lalu, satu pencarian pereka muda telah diadakan oleh AirAsia bagi mencungkil bakat dan memberi platform kepada mereka mempersembahkan koleksi di minggu fesyen. Daripada ratusan penyertaan awal, 10 peserta dipilih untuk menjadi finalis dan berpeluang mempersembahkan rekaan mereka. Menariknya konsep yang mesti dihasilkan oleh mereka adalah berinspirasi tempat yang melambangkan lokasi penerbangan AirAsia.

Pertandingan ini dimenangi oleh Lee Bao En dari UCSI University dan beliau menerima hadiah berupa sebuah trofi, tiket penerbangan dua hala ke Tokyo, 60,000 big point, sebuah komputer riba DELL dan juga peluang untuk mempersembahkan koleksi penuh pada Minggu Fesyen Kuala Lumpur RTV 2016 yang akan datang. Tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Shazmin Hashim dari Universiti teknologi MARA dan Ter Mei Ching dari Esmod Kuala Lumpur. ▲ FIEZREEN AHMAD